

**SYARAT PERMOHONAN BANTUAN
PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)
MAJLIS DAERAH KUBANG PASU**

SYARAT AM

1. Warganegara Malaysia.
2. Menetap di dalam kawasan operasi Majlis Daerah Kubang Pasu.
3. Telah mendaftar eKasih dan status kemiskinan disahkan oleh pihak **ICU JPM** atau **MESYUARAT FOCUS GROUP DAERAH/NEGERI**.
4. Hanya status kemiskinan **MISKIN TEGAR, MISKIN** dan **B40** sahaja yang layak.
5. Mendapat surat pengesahan/sokongan bagi permohonan bantuan dari **PEJABAT AHLI PARLIMEN/PEJABAT ADUN** dalam Parlimen/DUN masing-masing.

Bantuan Baik Pulih Rumah

1. Hanya kediaman sendiri.
2. **TIDAK BOLEH** bagi rumah sewa.
3. Kawasan asas rumah yang layak dibaik pulih :
 - i. Bumbung
 - ii. Dinding
 - iii. Pintu
 - iv. Tingkap
 - v. Lain-lain bentuk asas rumah
4. Tidak layak baik pulih bagi :
 - i. Dinding melibatkan lepaan simen
 - ii. Garaj kenderaan
 - iii. 'Awning'
 - iv. Longkang
 - v. Pagar
 - vi. Penambahan rumah
 - vii. Lain-lain baik pulih yang tidak munasabah

Bantuan Kios Penjaja

1. Sedang menjalankan perniagaan secara kecilan
2. **TIDAK DIBENARKAN** bagi individu yang baru hendak mula menjalankan perniagaan.
3. Mempunyai sijil pendaftaran SSM.
4. Sedang menjalankan perniagaan yang sah dan tidak melanggar peraturan/tidak menjalankan perniagaan yang berisiko.